

BH

Berita Harian

MERENTAS GENERASI

11 JULAI 2012

Tak pernah lantik ejen

Putrajaya: Kementerian Kewangan menegaskan Akauntan Negara tidak pernah melantik mana-mana individu atau syarikat sebagai ejen bagi membantu memproses tuntutan Wang Tak Dituntut.

Justeru, orang ramai dinasihatkan berhati-hati dan tidak terpengaruh dengan e-mel, surat makluman atau risalah mengaitkan Akauntan Negara sebagai pihak menawarkan perkhidmatan itu dengan mengenakan yuran atau caj tertentu.

“Akauntan Negara selaku Pendaftar Wang Tak Dituntut tidak pernah melantik mana-mana individu atau syarikat sebagai ejen dan tidak mengenakan yuran atau caj perkhidmatan menguruskan bayaran balik,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kenyataan itu menambah, maklumat Wang Tidak Dituntut yang sudah diserahkan kepada Jabatan Akauntan Negara diwartakan setiap tahun dan salinan perwartaan itu boleh didapati di Perpustakaan Negara untuk semakan umum.

“Wang Tak Dituntut yang sudah diserahkan kepada Pendaftar boleh dituntut pada bila-bila masa oleh pihak yang mempunyai hak ke atas wang berkenaan,” katanya.